

# REKAMAN

Oleh TAN SRI SHEIKH ABDULLAH

## Mereka patut bersyukur meskipun nama "tercicir..."

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran kepada ahli-ahli UMNO supaya jangan mengulangi perbuatan "menikam kawan dari belakang" terutama sekali semasa parti menghadapi pilhanraya umum.

Perdana Menteri berkata, pengalaman pahit dan kekalahan yang dialami oleh UMNO dalam kes-kes tertentu di Kedah dalam pilhanraya tahun 1974 dan 1978 hendaklah dijadikan pengajaran akan betapa buruknya kesan perbuatan "menikam kawan dari belakang" itu.

Berucap kepada ahli-ahli UMNO Bahagian Besut Khamsil dua bellau menegaskan bahawa dalam pilhanraya yang lalu ada ahli UMNO yang tidak terpilih menjadi calon tetapi berunding sebagai calon bebas menentang calon UMNO. Ini dikatakan telah mengakibatkan kerusi yang direbutkan itu jatuh ke tangan PAS.

"UMNO tidak mungkin kalah dalam pilhanraya jika ahli-ahlinya berastupadi tetapi kesalahan akan dialami oleh UMNO bahawa berpecah belah dan akibatnya orang yang terpilih untuk berunding di atas tiket Barisan Nasional dalam pilhanraya umum yang akan datang ini — ada setengah-setengah Ahli Yang Berhormat di peringkat Negeri ataupun Persekutuan, akan tercicir atau lebih tepat lagi dicitriciran dengan tujuan memberi peluang atau "chance" kepada calon-calon yang lain, yang jauh lebih muda atau yang lebih berkelayakan."

Nasihat Datuk Seri Dr. Mahathir itu patutlah sangat dihormati dan dipatuhi oleh bekas-bekas Ahli Yang Berhormat alias beberapa sebab: Pertama, Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang terpaksa diundur-parti dan sepatutnya bersyukur kepada Durian dan (tidak sebaliknya). Kerana melalui

Parti, mereka telah berpeluang berkhidmat kepada rakyat dan negara. Dan selain dari itu, mereka menerima pula balasan yang sewajar, yakni balasan berupa pencen bulanan yang akan mengalir oleh tangan dan keluarganya setelah mereka meninggal dunia nanti. (Dan ramal pula yang telah dianggarkan bintang-bintang kebesaran yang membawa gelaran ini dan itu nanti nanti).

Kedua, kegiatan tikam-menikam kawan dari belakang itu bukanlah satu perbuatan yang mulia dan terpuji dan dengan itu perbuatan yang "kurang hormat" itu tidaklah sepatutnya dilakukan oleh orang-orang dari golongan "gentlemen," lebih-lebih lagi mereka yang pernah menerima gelaran "Yang Berhormat."

Ketiga, pengajaran sejarah telah menunjukkan bahawa orang-orang dari golongan pemimpin yang menikam rakan atau ketua dari belakang jarang-jarang sekali boleh hidup bahagia. Sebagai ilustriasi, dengarkan cerita ini yang telah sampai ke telinga penulis di waktu penulis melawat India beberapa tahun yang lalu.

Apabila sebuah kubu pertambahan di sebuah negeri di India diserang musuh di zaman silam, Timbalan Panglima pasukan yang mempertahankan kubu itu (semata-mata kerana ingin mengambil tempat Panglima utama) telah secara senyap-senyap berpakat dengan musuh akan melepas itu "menikam dari belakang." Panglima utamanya dengan membukakan kepada pasukan-pasukan musuh pintu belakang kubu yang di bawah jagaannya. Oleh itu kubu pertahanan berkenaan telah dengan mudah ditawan dan dikuasai oleh musuh.

Percayakah anda apa yang telah terjadi kepada Timbalan Panglima yang menikam Ketua dari belakang itu? Dia telah ditangkap, disiksa dan dikenakan hukuman penjara seumur hidup oleh Panglima tentera musuh yang dibantunya untuk menawan kota pertahanan tersebut. Panglima musuh mengangkap bahawa seseorang jeneral yang bersedia menikam ketua musuh dari belakang, demi kepentingan pribadi, adalah seorang yang "merbahaya" yang tidak sepatutnya dipercayai oleh kawan dan lawan. Sebab: dia mungkin mengulangi perbuatan yang sama terhadap "rakan-rakan" barunya, jika dan bila peluang yang sewajar terbuka kepadanya....

• Apa yang lebih penting ialah pemimpin-pemimpin di mana jua (sama ada yang "lelah naik atau yang "mahu naik," melalui pilhanraya) perlulah memahami sedikit sebanyak daripada psikologi para pengundi....Mereka itu, selaku manusia biasa, mereka tentu sekali sukakan "variety," yakni "tukar selera" — bukan sahaja dalam konteks pakaian, makanan ataupun hiburan, tapi meliputi jua pemimpin mereka. Sebagai misal, tentukan penulis memberi satu ilustriasi dari segi "hiburan":

Richard Burton dan bekas (mungkin jua bakal) isterinya, Elizabeth Taylor adalah di antara bintang-bintang film yang paling terkenal dan popular di dunia ini. Namun demikian, penulis percaya banyak penonton TV atau wayang gambar di sana dan di sini akan "menutupi" TV mereka (atau menjauhkan diri dari pawagam) jika hanya gambar-gambar yang dibaring oleh Richard Burton dan Elizabeth Taylor sahaja ditayangkan kepada mereka setiap hari dan setiap malam bagi tempoh baka sekitar 5 tahun, 10 tahun, tapi sehingga 15 tahun, 20 tahun dan mungkin 25 tahun? Bagitulah jua keadaannya dengan penyanyi dan penghibur (termasuk "clown") yang lain. Itulah sebabnya mengapa RTM kita tidak menonjolkan muka pelakon atau menghidang suara penyanyi yang sama di TV ataupun Radio setiap malam dan setiap hari (Nota: Silapa tak percaya tanya Datuk Mohamad Rahmat).

### Ekor Ruanang: ☆☆☆

"Lord Carrington letak jawatan," kata sebuah kepala di Urusan Melayu April 6, 1962. Berita beritanya yang berpuca dari London berkata, Sirhanasa Luar British, Lord Carrington dan dua orang Menteri kamanya meletak jawatan kerana gagal mengelaskan Argentina dari menakluki kepulauan Falkland.

Menteri Pertahanan John Nott juga menawarkan untuk meletak jawatan tapi Perdana Menteri Margaret Thatcher memintanya jangan meletakkan jawatan dan mengarah angkatan laut British yang berlayar untuk cuba mengambil balik kepulauan tersebut. ☆☆☆

### Cattian Khas:

Meskipun kedua kesemua amalan atau tradisi orang-orang British itu baik atau betul belaka, tapi dalam konteks ini — yakni perletakan jawatan — secara sukaraka oleh tokoh-tokoh politik termasuk mereka yang memegang jawatan Menteri, jika dan bila sahaja mereka merasa bahawa mereka gagal menjalankan tugas yang ditugaskan/jawabkan kepada mereka selaku Menteri — mereka itu patut sangat diikuti oleh pemimpin-pemimpin politik di luar England.

Sebaliknya, kebanyakan negara, khususnya di negara-negara membangun (di Afrika dan Asia), pemimpin-pemimpin politik, "generally speaking," setelah berpeluang memasuki kabinet (di peringkat Federal ataupun Negeri), mereka akan "meletak dan meletak" kepada kerusi akan "menyadari dengan sepenuhnya tentang kegagalan, ketidak cekapan (atau kekorangan) mereka selaku Menteri. Dalam keadaan ini — hanya paudal bergerak ke hadapan dan tidak langsung berkebalahan bagaimana hendak goston.... ☆☆☆